

**Agong, Permaisuri Rai Presiden Kazakhstan Dalam Majlis Santapan Diraja
Bernama
18 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke Majlis Santapan Negara bagi meraikan Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev di Istana Negara di Jalan Duta.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman.

Narzarbayev tiba di sini pada Selasa bagi mengadakan lawatan dua hari di negara ini.

Ini merupakan lawatan ketiga Nazarbayev ke Malaysia dalam tempoh 16 tahun, yang mencerminkan hubungan erat antara Malaysia dan Kazakhstan. Dua lawatan terdahulu adalah pada 1996 dan 2006.

Kazakhstan merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia dari rantau Asia Tengah, manakala Malaysia adalah rakan dagang kedua terbesar Kazakshtan bagi kelompok Asean.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660160>